



18 JAN, 2023

TNB arah roboh reban ayam dibina secara haram

Sinar Harian, Malaysia



Page 1 of 2

TNB arah roboh reban ayam dibina secara haram

SHAH ALAM - Tenaga Nasional Berhad (TNB) sudah mengeluarkan notis kepada seorang penduduk agar meroboh reban ayam di kawasan se-liannya sebelum aduan awam dibuat pada Isnin.

TNB dalam kenyataan kepada *Sinar Harian* memaklumkan, pihak TNB telah menghubungi pengadu dan pelaku yang mendirikan pondok kecil dan reban ayam tersebut pada 12 Januari lalu.

"Pelaku telah diberikan notis bahaya serta dinasihatkan untuk merobohkan segera struktur-struktur dibina tanpa kebenaran bagi menjamin keselamatan diri sendiri dan orang awam.

"Hasil pemeriksaan susulan oleh pihak TNB pada 16 Januari (Isnin) kesemua pondok kecil dan reban ayam yang didirikan tersebut telah pun dirobohkan," kata TNB dalam kenyataan pada Selasa.

Pada Isnin, ahli jawatankuasa penduduk di Pangsapuri Sri Meranti, Persiaran Meranti Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur membuat aduan mengenai perkara itu di ruangan aduan *Sinar Harian*.

Mereka berharap TNB dapat mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menjadikan kawasan TNB sebagai kawasan ternakan ayam kerana ia hampir dengan kawasan kejiranan mereka.

Dalam pada itu, pihak TNB akan meneruskan pemeriksaan di tapak berkenaan agar tiada aktiviti tanpa kebenaran dijalankan di dalam rentis bagi menjamin keselamatan pemasangan serta orang awam.

Aduan yang dibuat penduduk.

Bina reban ayam di kawasan TNB

PENDUDUK Pangsapuri Sri Meranti, Persiaran Meranti Bandar Sri Damansara, Kuala Lumpur berharap pihak berkuasa mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang menjadikan kawasan Tenaga Nasional Berhad (TNB) berhampiran kejiranan sebagai tempat memelihara ayam di dalam reban. Perkara ini telah berlaku sejak empat tahun lalu, namun tiada sebarang tindakan diambil.